

12 MAY 2001

DR MAHATHIR ADAKAN MAJLIS MAKAN MALAM BAGI CASTRO

PUTRAJAYA, 12 Mei (Bernama) -- Presiden Cuba, Fidel Castro diraikan dalam satu majlis makan malam yang dianjurkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, beberapa ahli perniagaan tempatan terkemuka dan juga anggota delegasi Castro.

Pemimpin Cuba berusia 74-tahun itu mempunyai hubungan persahabatan yang baik bersama Dr Mahathir dengan kedua-dua mereka lantang dalam menentang dominasi Barat terhadap negara-negara membangun.

Awal hari ini, Castro, yang merupakan pemimpin pertama Cuba untuk melawat Malaysia, menjejak kaki di bangunan tertinggi di dunia, Menara Kembar Petronas.

Menara berkembar itu yang menempatkan ibu pejabat perbadanan petroleum nasional, Petronas, dipaparkan dalam filem Hollywood "Entrapment" yang dibintangi Sean Connery dan Catherine Zeta-Jones.

Castro dijadual meninggalkan Malaysia esok selepas lawatan tiga hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Dr Mahathir melawat Havana tahun lepas dan pada 1997.

-- BERNAMA

MAM AFY PR